

17/06/2002

IPTS: Elak perbalahan tidak berfaedah

Abu Hasan Adam

ADA beberapa isu penting berkaitan dengan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang dibincangkan akhir-akhir ini. Di antaranya ialah:

- * Kemungkinan banyak IPTS milik Bumiputera akan gulung tikar sekiranya tidak ada tindakan diambil untuk membantunya.

- * Ramai pelajar Bumiputera tidak berminat memasuki IPTS.

- * Kerajaan tidak memberikan pinjaman penuh kepada Bumiputera yang ingin menuntut di IPTS.

- * Desakan daripada Pemuda UMNO agar Bumiputera diberikan kuota 10 peratus di IPTS dan saranan itu tidak dipersetujui oleh Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Presiden MCA.

Isu mengenai IPTS tidak akan lengkap membicarakannya tanpa merujuk kepada sejarah perkembangan pendidikan negara yang membawa kepada kewujudan IPTS di negara ini.

Pembentangan dan lulusnya empat akta yang berkaitan dengan dasar pendidikan negara di Parlimen pada 1995 adalah watershed dalam sejarah perkembangan pendidikan negara. Ia menjadi tanggungjawab seluruh warga Malaysia untuk merealisasikannya. Ini bukan satu perkara mudah memandangkan ada kepelbagaian kaum dan sensitiviti di negara ini. Dan sebagaimana yang pernah ditegaskan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed bahawa pihak kerajaan telah mengambil masa begitu lama untuk memikir dan menimbangakan akta itu.

Akta Pendidikan 1995 misalnya dirangka sejak 1990 lagi. Ia mengambil masa selama enam tahun untuk 'diuli' dan 'dihazam' bagi menentukan ia sebenarnya mantap dan mampan sebelum 'dihidangkan' kepada umum. Ia telah melalui pelbagai proses termasuk seminar, perbincangan dan beberapa mesyuarat yang tidak terhingga banyaknya membabitkan segenap lapisan masyarakat. Pendek kata ia telah dihalusi dan ditapis kepada tapisan paling akhir sebelum dihidangkan. Tidak hairanlah kalau Parlimen memberikan 'anggukan' kepada akta itu akhirnya.

Akta Pendidikan 1995 di samping tiga akta lain diluluskan di Parlimen ketika Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak menjadi Menteri Pendidikan. Kelulusan akta itu membayangkan iltizam dan komitmen begitu tinggi yang ditunjukkan oleh kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat pada masa hadapan. Lulusnya akta ini juga menampakkan perpaduan dan keharmonian pemikiran rakyat yang menaruh sepenuh keyakinan kepada akta ini bagi penentuan masa depan mereka.

Jika dilihat secara menyeluruh akta ini memberikan laluan untuk beberapa perkembangan dan kemajuan negara Malaysia terutama dalam merangka pertambahan bilangan tenaga mahir dalam lapangan sains dan teknologi demi merealisasikan sebuah negara maju sebagaimana yang diterapkan dalam Wawasan 2020.

Negara sebenarnya sedang mempersiapkan diri untuk bertembung dengan pelbagai cabaran pada Milenium Ketiga. Kita tidak tahu rupa bentuk pancaroba yang akan kita harungi. Cuma kita hanya dapat membuat pelbagai ramalan mengenai keadaan ekonomi, politik dan sosial pada kurun yang sedang kita lalui kini. Lantas mahu tidak mahu pendidikan juga adalah vehicle yang amat penting sebagai pasak kepada perkembangan itu.

Peter Drucker dalam bukunya. The New Realities 1989 telah meramalkan keadaan pendidikan pada kurun ke-21.

"The post business, knowledge society is a society of continuing learning and second careers. in the knowledge society, the knowledge base it

the foundation of the economy," kata Peter Drucker dalam *The new Realities*". Ini bermakna:

- * Pendidikan dalam masyarakat berilmu mempunyai tujuan sosial dan mengandungi asas nilai.

- * Sistem pendidikan seharusnya berbentuk sistem terbuka di mana tidak menghadkan sesiapa yang berkebolehan dan berkemampuan untuk meneruskan peluang mendapat pendidikan. Ini bermakna peluang untuk memajukan diri adalah amat luas.

- * Pendidikan tidak lagi hanya tertumpu di sekolah. Malah setiap institusi yang mempunyai pekerja layak dianggap sebagai sekolah dan guru.

Seiring dengan tindakan kita untuk meletakkan pendidikan negara sebagai satu agenda yang cukup penting bagi menentukan jatuh bangunnya bangsa pada masa akan datang elok diambil satu petikan John Naisbitt daripada buku *Megatrends Asia* (1995). Katanya, "In our view, the biggest challenge of all facing Asia is education" reports Hong Kong-based Political & Economic Risk Consultancy Ltd "China can pump all the billions of dollars it wants into its phone and rail system. It will be money wasted, however unless those responsible for operating these systems are educated in efficient management techniques."

Statistik di bawah dapat menjelaskan pentingnya pendidikan demi kemajuan negara pada masa kini dan akan datang.

Di Malaysia, lulusan universiti hanya 6,000 jurutera pada setiap tahun dan keperluannya adalah sekitar 10,000 setiap tahun. Korea Selatan mengharapkan bilangan pelajar yang mengambil kejuruteraan akan bertambah daripada 280,000 kepada 340,000 pada 1999 walaupun kini juruteranya berjumlah 60,000 orang dan masih tidak mencukupi.

Ini memberi gambaran sekiranya tidak ada langkah awal, tegas dan penuh iltizam dan konkrit diambil oleh pihak kerajaan berkemungkinan besar segala pencapaian dan pertumbuhan kita nikmati akan terbantut.

Mengambil contoh negara Korea yang memerlukan 340,000 jurutera pada 1999 berbanding Malaysia yang terlalu kecil jumlahnya memberikan makna bahawa kita akan terus tertinggal di belakang negara Korea dari segi pencapaian dan pertumbuhan. Ini yang membimbangkan. Bukan itu saja, malah hasrat kita ialah untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara lain yang lebih maju dari kita.

Atas rasional beginilah mendorong kerajaan untuk melakukan perubahan ke arah yang positif seperti mana yang dilakukan di dalam hal pengenalan beberapa akta pendidikan negara.

Pernah Perdana Menteri menyatakan mengenai perubahan ini dilakukan terutama dari segi mengadakan program kembar dengan pusat pengajian tinggi luar negara yang boleh mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara seperti yang biasa diamalkan. Walaupun ada suara 'kurang senang' dengan tindakan yang sebegini, namun demi memikirkan kepentingan dan keuntungan yang boleh diperoleh oleh negara, kerajaan terpaksa berbuat sesuatu tentunya. Ada kebaikan yang dapat dilihat hasil daripada tindakan itu:

- * Mengurangkan pengaliran tukaran luar ke negara lain.

- * Perbelanjaan membiayai pendidikan di luar negara adalah amat besar dan dengan demikian ia antara faktor yang menjadikan imbalan pembayaran negara mengalami kekurangan

- * Ditinjau dari segi budaya, ia boleh juga membawa kepada kesan negatif. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Perdana Menteri: *Previously we sent students abroad because we want to expose them to foreign society so that they would have a broader outlook. But now it is not the case...now there are too many of them (Malaysia students) and they hardly mix with the locals...at the same time, we feel that their culture is now no longer suitable for us due to certain elements of moral decay in their society, we do not want our people to be exposed to such elements"*

Pengenalan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) secara umumnya adalah satu `anjakan paradigma yang beranjak dari amalan biasa. Bagi setengah pihak tentunya culture shock pula. Walau bagaimana pun tentulah ada kepentingannya yang dapat dipertahankan. Misalnya:

- * Mengukuhkan kedudukan bahasa kebangsaan.

Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak menyatakan di Dewan Rakyat pada 11 Januari 1996 ada peruntukan dalam undang-undang itu yang bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan Bahasa Kebangsaan. Peruntukan 41 menyatakan dengan jelas bahawa semua IPTS menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

"Walaupun bahasa kebangsaan ditetapkan sebagai bahasa perantaraan, Menteri berkuasa memberi pengecualian, jika didapati sesuatu kursus perlu dilakukan dalam bahasa Inggeris dan sebaliknya" kata Najib. (BH 10 Januari 1996).

Hanya dalam Peruntukan 41(3) saja yang menampakkan sedikit kelonggaran dari segi penggunaan bahasa pengantar iaitu dinyatakan bahawa di tempat di mana pensyarah asing tidak dapat menggunakan bahasa kebangsaan, bahasa Inggeris akan digunakan. Mengikut Menteri Pendidikan itu kelonggaran sebegini perlu diadakan memandangkan negara kita perlu menggunakan kepakaran tenaga asing bagi merealisasikan hasrat negara menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam pendidikan

- * Menekankan kepada ketaatan kepada bangsa dan agama.

Rang undang-undang IPTS (1996) juga mensyaratkan agar pelajar kita mempelajari mata pelajaran Pengajian Malaysia, Pengajian Islam (bagi pelajar Islam) dan pelajaran Moral (bagi yang bukan Islam) agar mereka menjadi pelajar yang sentiasa berpegang teguh dan setia kepada negara, bangsa dan agama.

- * Memelihara pelajar Bumiputera tidak ketinggalan dalam merebut peluang pendidikan.

Ramai juga yang membangkitkan mengenai kemungkinan pelajar Bumiputera (yang tidak mampu) akan ketinggalan dalam lapangan pendidikan dengan wujudnya institusi swasta sebegini kerana tidak mampu untuk membiayai perbelanjaan pelajaran yang tentunya di luar jangkauan mereka. Namun begitu dengan tegas Menteri Pendidikan menyatakan "kita mahu wujudkan keseimbangan di antara kaum kerana setakat ini pengambilan Bumiputera di IPT Swasta begitu rendah, iaitu hanya 5 peratus, kita cuba mengatasi masalah ini dengan tidak menggalakkan pelajar kita menuntut di luar negara, sebaliknya mengisi kekosongan di IPT swasta di dalam negara."

Berasaskan kepada hujah di atas tentulah tidak timbul mengenai soal meminta penetapan kota 10 peratus kepada Bumiputera di pusat pengajian tinggi. Amat tidak lojik jika Datuk Seri Dr Ling Liong Sik selaku presiden MCA tidak tahu hasrat dan matlamat penubuhan IPTS, sebagaimana yang dijelaskan oleh Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan ketika itu (Najib).

Dalam usaha menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pendidikan, perbalahan yang tidak mendatangkan faedah elok dielakkan. Seharusnya kita mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi kekusutan. Tentu akan wujud pelbagai masalah berkaitan penubuhan IPTS, apatah lagi ia baru diperkenalkan di Malaysia. Negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom masih lagi mengalami masalah pendidikan di negara mereka. Tetapi dapat diselesaikan dengan jaya juga dan berpusu-pusu pelajar dari seluruh dunia datang ke negara mereka untuk menuntut ilmu.

(END)